

Percepat pengwujudan kampus UMS Keningau

UB 28.03.2012 B7

Oleh JOHAN AZIZ

johanaziz54@gmail.com

PENDUDUK Apin-Apin, Keningau menyambut baik pengwujudan kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) di daerah ini dan meminta dipercepatkan perlaksanaannya.

Setiausaha Mimbar Permuafakatan Iubupa Malaysia (Mapim), Robert Paulus berkata sudah lebih dua tahun

perkara itu diwar-warkan namun hingga sekarang belum menampakkan perkembangannya.

“Masyarakat Keningau, terutama sekali Apin-Apin, menyambut baik kampus ini sejak ia diumumkan lebih dua tahun yang lalu,” katanya dalam satu kenyataannya di sini kelmarin.

Robert berkata, saranan kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk membina kampus UMS dan Kolej

Kejururawatan di kawasan Tanah Rizab Haiwan dalam kawasan Apin-Apin seluas 80 ekar diterima baik oleh penduduk di sini.

Tambahnya, ini sebagai satu petanda yang kerajaan BN serius membantu rakyat khususnya para pelajar yang ibubapa mereka kurang berkemampuan dari pedalaman untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat institut



ROBERT

pengajian tinggi awam (IPTA).

“Ramai pelajar yang mempunyai akademik yang baik untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti namun ibubapa mereka kurang berkemampuan menghantar anak-anak mereka ke universiti yang terdapat di Kota Kinabalu dan Semenanjung kerana kos yang tinggi. Maka impian mereka (pelajar) tidak tercapai,” katanya.